



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami di media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan. Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan kongsi pendapat anda dengan kami dari semasa ke semasa.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia.

14.10.2022

❖ **Bajet 2023 yang tidak dikuatkuasakan menjadi penanda aras kepada Bajet 2023 yang baharu**

Tidak dinafikan, Bajet 2023 hanya mempunyai jangka hayat selama tiga hari iaitu antara pembentangnya pada 7 Oktober dan pembubaran Parlimen pada 10 Oktober untuk memberikan laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Walaupun bajet berpaksikan pilihan raya ini boleh dikatakan tidak terlaksana, masih berbaloi untuk kita menilainya sebagai penanda aras untuk Bajet 2023 yang akan datang, yang bakal diletakkan di bawah budi bicara mana-mana kerajaan yang memegang kuasa selepas PRU15.

Sebelum kita mengupas dengan lebih lanjut kesan Belanjawan 2023 ke atas pasaran modal Malaysia, khususnya pasaran saham, kami ingin menegaskan bahawa walaupun trend sebelum ini menunjukkan FBM KLCI mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk pulih apabila menghampiri tarikh pembentangan bajet, trend itu tidak berlaku pada tahun ini.

Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh proses pengetatan monetari yang agresif oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) yang dijangka berterusan, serta sentimen pasaran menurun yang berpunca daripada ketidaktentuan politik dalam negara, terutamanya khabar angin yang berleluasa yang menyatakan bahawa Parlimen akan dibubarkan dalam masa terdekat selepas pembentangan Bajet 2023.

Dari sudut lain, Bajet 2023 menyamai Bajet Tahun 2000 kerana Bajet milenium itu telah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) ketika itu pada 29 Oktober 1999, hanya untuk menyaksikan Parlimen dibubarkan pada 11 November 1999 bagi memberikan laluan kepada PRU10 pada 29 November 1999. Walau bagaimanapun, BN mengekalkan tampuk pemerintahannya dalam PRU10.

Selepas PRU10, Parlimen telah bersidang semula untuk sesi khas pada 20 hingga 22 Disember 1999 untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan untuk menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan Kerajaan yang penting seperti gaji dan pencen penjawat awam serta perkhidmatan hutang pada awal tahun 2000.

Mengimbas kembali, Bajet 2000 telah dibentangkan semula pada 25 Februari 2000 dan diluluskan pada 12 April 2000. Di bawah Perkara 102 Perlembagaan Persekutuan, Parlimen boleh membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada belanjawan bagi tahun tersebut di bawah keadaan "terdesak yang luar biasa" sehingga Rang Undang-undang Perbekalan diluluskan secara rasmi.

Dengan mengandaikan kerajaan pemerintah tidak banyak berubah selepas PRU15, kemungkinan besar kebanyakan peruntukan Bajet 2023 akan kekal, dengan perubahan yang kecil. Walau bagaimanapun, jika berlaku pertukaran kerajaan, perubahan mungkin akan dibuat kepada perancangan dan peruntukan dana sebelum bajet dibentangkan semula.

Tiada lagi Cukai Makmur

Memandangkan Kerajaan masih berhadapan dengan situasi fiskal yang mencabar, sektor korporat bersedia untuk menghadapi Bajet 2023 yang berpotensi merangkumi levi korporat yang distrukturkan sejajar dengan Cukai Makmur yang ditawarkan sekali sahaja dalam Bajet 2022.

Cukai makmur yang tidak berulang ini dikenakan kepada syarikat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta melalui lebihan pendapatan yang dikenakan cukai pada kadar 33% iaitu lebih tinggi bagi tahun taksiran cukai 2022.

Walaupun sektor korporat tidak menerima apa-apa "buah tangan" fiskal yang ketara dalam Bajet 2023, pasaran ekuiti akan cenderung secara positif atau boleh menarik nafas lega apabila tiada pengenaan cukai atau levi seperti Cukai Makmur.

Secara keseluruhannya, banyak langkah yang digariskan dalam Bajet 2023 menyokong pemulihan operasi dan keberuntungan sektor korporat. Namun, ia sebahagian besarnya bersifat tambahan dan/ atau jangka panjang serta tidak menjamin pelarasan terhadap pendapatan saham/ sektor/ pasaran pada ketika ini.

Kos operasi yang semakin meningkat

CGS-CIMB Research menjangkakan tindak balas pasaran akan bersifat daripada neutral kepada negatif selepas Bajet 2023, memandangkan terdapat banyak buah tangan sempena pilihan raya (contohnya pemotongan cukai individu dan perusahaan kecil dan sederhana, PKS) tetapi tidak cukup signifikan untuk meningkatkan pendapatan korporat dengan ketara.

"Butiran terperinci tidak diberikan tentang pembaharuan hasil fiskal dan potensi pembubaran Parlimen sebelum Bajet 2023 diluluskan boleh menjejaskan sentimen pasaran," menurut firma penyelidikan itu sebelum ini. Parlimen telah dibubarkan pada 10 Oktober.

Contohnya, Kerajaan menyatakan ia telah merancang untuk melaksanakan levi pelbagai peringkat untuk pekerja asing pada tahun 2023 dan memperuntukkan semula hasil yang diperoleh daripada levi tambahan ini untuk menyokong pembiayaan inisiatif automasi untuk majikan. Bagaimanapun, ia tidak memberikan butiran lanjut berhubung kadar levi baharu untuk pekerja asing.

Sesetengah penganalisis menganggap ini sebagai suatu kejutan negatif bagi syarikat yang mempunyai jumlah tenaga kerja asing yang tinggi, terutama dalam sektor perladangan, pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini dijangka menanggung kos buruh yang lebih tinggi tetapi mungkin tidak dapat menyalurkan peningkatan kos ini kepada pengguna.

Tambahan pula, Kerajaan mendedahkan dalam laporan fiskalnya bahawa mekanisme subsidi bersasaran akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2023. Kerajaan telah mengurangkan peruntukan subsidi dan bantuan sosial kepada RM42 bilion dalam Bajet 2023 berbanding RM58.9 bilion pada tahun 2022.

“Jika subsidi bahan api bersasaran dilaksanakan pada tahun 2023, ia berkemungkinan akan meningkatkan kos operasi perniagaan pada tahun tersebut. Bajet 2023 turut menyaksikan pendedahan Kerajaan tentang cadangan untuk memperkenalkan cukai karbon dan ia akan mengkaji kebolehlaksanaan mekanisme penetapan harga karbon. Apabila ia diperkenalkan kelak, ini boleh meningkatkan lagi kos operasi,” tambah CGS-CIMB Research.

Yang untung dan yang rugi

Sepintas lalu, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi melalui pengurangan kadar cukai pendapatan individu tetapi sebahagiannya diimbangi oleh pemberian *Bantuan Keluarga Malaysia* yang lebih rendah adalah berita positif untuk sektor runcit. Pemberhentian cukai makmur yang diberikan sekali sahaja pada tahun 2023 menguntungkan syarikat-syarikat besar seperti bank, syarikat utiliti dan telekomunikasi kerana ini akan menjurus kepada kadar cukai berkesan yang lebih rendah, sekali gus meningkatkan keuntungan bersih mereka pada tahun 2023.

Sementara itu, peningkatan dalam pengecualian duti setem daripada 50% kepada 75% bagi hartanah kediaman berharga melebihi RM500,000 kepada RM1 juta bagi pembeli rumah kali pertama adalah positif bagi sektor hartanah kerana ini mungkin akan merangsang minat dalam kalangan pembeli rumah kali pertama untuk memperoleh hartanah dalam julat harga tersebut.

Sektor pembinaan juga dapat menikmati manfaat daripada peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan, pengesahan semula Transit Aliran Massa Laluan 3 (Mass Rapid Transit 3, MRT3) dan projek tebatan banjir (RM15 bilion sehingga 2030, dengan RM700 juta diperuntukkan untuk 2023 sahaja). Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan apa-apa perancangan untuk melaksanakan kontrak baharu berskala besar termasuk kontrak Kereta Api Berkelajuan Tinggi.

Ketiadaan sebarang kenaikan terhadap cukai/ eksais mudarat akan memberikan kelegaan kepada syarikat-syarikat perjudian, syarikat tembakau dan pembuat minuman keras. Syarikat tembakau dan pembuat minuman keras juga bakal mendapat manfaat daripada usaha berterusan untuk membanteras produk terlarang.

Inisiatif Kerajaan untuk menaik taraf industri elektrik dan elektronik Malaysia (*electrical and electronics, E&E*) dengan menggalakkan pemain industri untuk meningkatkan rantai nilai dengan memudahkan pengembangan operasi syarikat multinasional global (*multi national corporations, MNC*) di Malaysia serta mempromosikan industri

reka bentuk cip litar bersepadu (*integrated circuits*, IC) merupakan berita positif untuk sektor semikonduktor dalam jangka masa yang lebih panjang.

Sebaliknya, pengenalan levi berbilang peringkat untuk pekerja asing mungkin dilihat sebagai pelan yang menyusahkan dalam jangka pendek tetapi ganjarannya dapat dilihat dalam jangka panjang, untuk menggalakkan lebih banyak inisiatif automasi. Langkah ini mungkin sedikit negatif terhadap sektor yang berintensifkan pekerja asing seperti perkhidmatan pembuatan elektronik (*electronic manufacturing services*, EMS), pembinaan dan sektor perladangan - sekurang-kurangnya untuk peringkat permulaan.

Apa yang penting, walaupun banyak buah tangan ditawarkan dalam Bajet 2023 seperti pemotongan cukai pendapatan peribadi dan pemberian tunai, ini mungkin tidak cukup signifikan untuk meningkatkan pendapatan korporat dengan ketara memandangkan ia bakal diimbangi oleh rancangan untuk melaksanakan subsidi bersasaran pada tahun 2023.

Ditambah pula dengan pembubaran Parlimen untuk memberikan laluan kepada PRU15, ini berkemungkinan besar akan menjejaskan lagi sentimen pasaran yang sudah lemah.

Walaupun tidak dikuatkuasakan, Bajet 2023 seperti yang dinyatakan di atas berfungsi sebagai penanda aras kepada penyediaan Bajet 2023 yang baharu.

Oleh Devanesan Evanson

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 17 hingga 21 Oktober 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
17.10.22 (Isnin) 03.00 petang	Sapura Energy Berhad (EGM)	Syarikat berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk melupuskan tiga pelantar gerudi, Sapura T-19, Sapura T-20 dan Sapura Setia, kepada NKD Maritim dengan harga AS\$8.2 juta.
18.10.22 (Selasa) 12.30 tengah hari	SP SETIA Berhad (EGM ditangguhkan)	SP SETIA bercadang untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi empat resolusi di bawah: - Cadangan pindaan kepada Fasal 12 Perlembagaan Syarikat, yang menetapkan terma-terma untuk Saham Keutamaan Boleh

		<p>Tukar Boleh Tebus Islam Syarikat ("RCPS-i A") (Cadangan Pindaan kepada RCPS-i A)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan pindaan kepada Fasal 13 Perlembagaan Syarikat, yang menetapkan syarat-syarat RCPS-i B - Cadangan terbitan hak boleh lepas bagi Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Islam kelas C baharu dalam SP Setia ("RCPS-i C") untuk mengumpul terimaan kasar sehingga RM1.18 bilion. - Cadangan pindaan kepada Perlembagaan Syarikat
19.10.22 (Rabu) 10.00 pagi	Eurospan Holdings Berhad (AGM)	<p>Syarikat mengalami rugi sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 2022 disebabkan gangguan kepada pengeluarannya yang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Syarikat berjaya mencatatkan prestasi yang membanggakan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini kerana produknya yang sebahagian besarnya untuk pasaran eksport, berjaya memenuhi piawaian yang tinggi yang ditetapkan oleh pasaran ini. Melangkah ke hadapan, Syarikat sepatutnya dapat kembali menjana keuntungan apabila pandemik semakin reda, seterusnya mengurangkan gangguan terhadap pengeluarannya.</p>
19.10.22 (Rabu) 11.00 pagi	Glomac Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Glomac mencapai pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM259.5 juta, berbanding RM366.9 juta pada tahun kewangan 2021, disebabkan oleh pelaksanaan pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Namun begitu, untungnya bertambah baik pada tahun kewangan 2022, dengan margin sebelum cukai meningkat kepada 23.7% daripada 15.5% pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya disumbangkan oleh inisiatif</p>

		penjimatan kos yang dilaksanakan pada tahun kewangan 2022.
20.10.22 (Khamis) 02.30 petang	Mudajaya Group Berhad (EGM)	EGM ini diadakan untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi pemerolehan oleh Mudajaya keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Real Jade Limited dengan harga HKD400 juta (atau bersamaan RM224.32 juta) yang dipenuhi secara tunai.
21.10.22 (Jumaat) 10.00 pagi	Pintaras Jaya Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan untung bersih berjumlah RM41.2 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding untung bersih berjumlah RM64.1 juta bagi tahun kewangan 2021 walaupun berdepan cabaran akibat Covid yang belum pernah berlaku sebelum ini, kekurangan buruh, kenaikan harga bahan, kos tenaga yang tinggi serta gangguan rantaian bekalan.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara penting/ Isu untuk diketengahkan
Eurospan Holdings Berhad (AGM)	<p>Produk Syarikat yang kebanyakannya dieksport, telah memenuhi piawaian ketat yang ditetapkan oleh pembeli di luar negara. Untuk mengekalkan kualitinya yang tinggi, Syarikat perlu terus melabur dalam Penyelidikan dan Pembangunan (<i>Research and Development, R&D</i>)</p> <p>a) Berapakah jumlah perbelanjaan R&D pada tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>b) Berapakah peruntukan Syarikat untuk R&D bagi tahun kewangan berakhir 2023?</p>
Glomac Berhad (AGM)	<p>Jualan hartanah siap Kumpulan menyusut kepada RM9.37 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM26.36 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Untung kasar daripada jualan hartanah siap ialah RM2.41 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM8.63 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Margin untung kasar daripada jualan hartanah siap ialah 25.7 % pada tahun kewangan 2022 berbanding 32.7% pada tahun kewangan 2021. (Halaman 141 dan 142, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan pendapatan daripada jualan hartanah siap pada tahun kewangan 2022?</p>

	<p>b) Mengapakah margin untung kasar daripada jualan hartanah siap lebih rendah pada tahun kewangan 2022 berbanding tahun kewangan 2021?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menghabiskan inventori hartanah siap yang berjumlah RM100.1 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM106.1 juta pada tahun kewangan 2021? (Halaman 167, Laporan Tahunan)</p> <p>d) Sila berikan nilai hartanah siap yang tidak terjual pada tahun kewangan 2022 mengikut kelompok pengusahaan iaitu kurang daripada setahun, lebih setahun tetapi kurang daripada dua tahun dan lebih dua tahun.</p>
Mudajaya Group Berhad (EGM)	<p>Perniagaan Kumpulan Real Jade tidak menjangka akan dihentikan secara berperingkat oleh pihak berkuasa Republik Rakyat China (PRC) kerana ia telah menerima lesen pembuatan pada 26 April 2021 dengan tarikh tamat pada 30 Disember 2025. Shandong Allied Wangchao Cement Limited, anak syarikat milik penuh Real Jade, ialah pemegang lesen yang diberi kuasa. Tempoh lesen selama 5 tahun adalah selaras dengan norma industri dan tertakluk kepada pembaharuan selanjutnya yang mana permohonan boleh dibuat enam bulan sebelum tamat tempoh (Halaman 5, Pekeliling).</p> <p>Melihat kepada sifat lesen pembuatan yang dinyatakan di atas, terdapat risiko lesen ini tidak diperbaharui. Selepas pengambilalihan, bagaimanakah Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengurangkan risiko ini dan memastikan supaya Shandong Allied Wangchao Cement Limited, anak syarikat milik penuh Real Jade, terus menjadi pemegang lesen selepas tahun 2025?</p>
Pintaras Jaya Bhd (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Kumpulan merekodkan margin untung sebelum cukai yang lebih rendah iaitu sebanyak 10.9% berbanding margin untung sebelum cukai 20.3% pada tahun kewangan 2021. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang tidak pernah berlaku sebelum ini, kekurangan buruh, kenaikan harga bahan, kos tenaga yang tinggi dan gangguan rantaian bekalan (Halaman 35, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Faktor dan kos yang dinyatakan di atas mungkin akan terus menjejaskan untung sebelum cukai Kumpulan. Bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan kembali margin untung sebelum cukai?</p> <p>b) Bolehkah Kumpulan menyalurkan kos atau sebahagian daripada kos kepada pelanggan?</p> <p>c) Apakah margin untung sebelum cukai yang disasarkan oleh Kumpulan untuk tahun kewangan 2023?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.